



## **ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM SYARIE NEGERI BIL. 9 TAHUN 2022**

---

### **PENDAFTARAN, PEMBUKAAN DAN PENETAPAN ALAMAT FIRMA GUAMAN SYAR'IE**

#### **TUJUAN**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 32 (2) Enakmen Mahkamah Syariah 2004, Ketua Hakim Syarie Negeri mengeluarkan Arahan Amalan berkaitan pendaftaran, pembukaan dan penetapan alamat firma guaman syarie selaras dengan kehendak subkaedah 7(5) Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021 dan subseksyen 40(1)(2) Enakmen Tatacara Mal 2004.

#### **PEMAKAIAN**

Arahan Amalan ini adalah terpakai ke atas semua Peguam Syarie sama ada yang diterima masuk sebelum atau sebaik Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Sabah) 2021 berkuat kuasa. (Selepas ini disebut sebagai "Peguam Syarie").

#### **PENDAFTARAN DAN PEMBUKAAN FIRMA GUAMAN SYAR'IE**

1. Bagi maksud pendaftaran firma guaman syarie, mana-mana Peguam Syarie yang berhasrat untuk membuka firma guamannya hendaklah mengemukakan suatu surat pemakluman pembukaan firma yang dialamatkan kepada Ketua Hakim Syarie Negeri yang mengandungi maklumat seperti berikut:

- (a) Nama Firma Guaman;
- (b) Alamat Firma di Sabah;
- (c) Nombor Telefon;
- (d) Faks;
- (e) E-mel; dan
- (f) Tarikh cadangan beroperasi

2. Surat Pemakluman tersebut hendaklah dikemukakan bersama salinan dokumen berikut :-

- (a) Kad Pengenalan Peguam;
- (b) Sijil Amalan Peguam Syar'ie terkini;
- (c) Perintah Penerimaan Sebagai Peguam Syar'ie; (jika berkaitan)
- (d) Lesen Berniaga (jika berkaitan)

### **PENETAPAN ALAMAT FIRMA**

Semua Peguam Syar'ie yang beramal hendaklah mempunyai alamat daftar firma guaman miliknya atau alamat firma di tempat dia bekerja dalam Negeri Sabah yang Mahkamah mempunyai bidangkuasa penyampaian dalam Negeri ini selaras dengan kehendak subseksyen 40(1)(2) Enakmen Tatacara Mal 2004.

### **TARIKH MULA KUATKUASA**

Arahan ini mula berkuatkuasa pada 2 Januari 2023.



**YAA DATUK AHMAD DIN BIN OKK OTHMAN**  
**KETUA HAKIM SYAR'IE NEGERI**